

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT ANJUR PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI SEMPERNA
KEMPEN 'WORLD CLEANUP DAY 2020'

PORT DICKSON, 19 SEPTEMBER 2020 - SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) dengan kerjasama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Coca-Cola Bottlers Malaysia Sdn. Bhd. (Coca-Cola) hari ini menganjurkan program pembersihan pantai bertemakan **Sinergi Untuk Ekologi Bersama** yang berlangsung serentak melibatkan lima lokasi utama di ketiga-tiga negeri wilayah selatan iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

SWM Environment dan SWCorp turut berganding bahu bersama Pihak Berkuasa Tempatan dan sukarelawan untuk menjalankan pembersihan serentak di 19 lokasi lain di ketiga-tiga negeri tersebut, membawa jumlah lokasi yang menjalankan program *World Cleanup Day* di wilayah selatan kepada 24 lokasi: 9 (Negeri Sembilan), 4 (Melaka) dan 11 (Johor). Jumlah keseluruhan lokasi yang menjalankan program *World Cleanup Day* pada peringkat kebangsaan adalah sebanyak 45 lokasi di negeri-negeri yang melaksanakan Akta 672.

Pelancaran peringkat kebangsaan program tersebut dijalankan di kawasan pesisiran pantai berhampiran dengan perkampungan nelayan di Kampung Ladang dan Kampung Pendas Baru, Gelang Patah, Johor yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib.

SWM Environment dengan kerjasama SWCorp dan Coca-Cola turut menganjurkan program pembersihan pantai serentak di empat lokasi lain iaitu di Pantai Saujana, Port Dickson (Negeri Sembilan), Pantai Tanjung Dahan, Kuala Sungai Baru, Alor Gajah (Melaka), Pantai Perpat, Batu Pahat (Johor) serta Pantai Telok Gorek, Mersing (Johor).

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Mohd Norlisam Mohd Nordin berkata, penganjuran program ini adalah selaras dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bersih, indah dan sejahtera selain memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar. Di samping itu, program tersebut diadakan sempena meraikan acara global '*World Cleanup Day 2020*' serta '*International Coastal Cleanup Day*' pada 19 September 2020 dengan matlamat memberi kesedaran kepada orang ramai terhadap kepentingan menjaga kebersihan pantai demi kelangsungan ekologi hidupan marin.

“Masalah pencemaran pantai dan serpihan sampah di lautan merupakan isu global yang perlu ditangani bersama oleh semua pihak. Jika dibiarkan berlarutan, kita akan melihat lebih banyak kemusnahan habitat pelbagai jenis hidupan marin dan seterusnya membawa kepada ancaman kepupusan spesies ini.

“Melalui penganjuran program pembersihan pantai seperti ini, orang ramai diberi peluang untuk terlibat sama dalam pemuliharaan hidupan marin. Dengan langkah yang kecil ini, kita mampu untuk menyelamatkan hidupan marin dan seterusnya mengekalkan kelestarian ekosistem demi kesinambungan generasi masa depan,” katanya.

Tambahnya, usaha sebegini perlu dilakukan secara berterusan agar kawasan pesisiran pantai serta kawasan-kawasan lain yang menjadi tempat tumpuan kunjungan pelancong serta rakyat tempatan tidak menjadi tempat pembuangan sampah.

“Salah satu matlamat program ini juga adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pengurusan sisa pepejal yang berhemah, pembudayaan 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) dan Pengasingan Sisa di Punca (SAS). Jika masyarakat menerapkan amalan ini, pasti masalah pembuangan sampah di tempat tumpuan orang ramai serta pantai dan laut akan dapat dihentikan,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Coca-Cola Malaysia, Singapura dan Brunei, Barry O’Connell berkata, “Kelestarian adalah penting dalam setiap aspek perniagaan kami. Oleh itu, Coca-Cola Malaysia amat berbesar hati dapat bekerjasama dengan SWM Environment untuk program pembersihan pantai. Usaha kami sejajar dengan visi ‘*World Without Waste*’, iaitu mengumpul dan mengitar semula botol atau tin untuk setiap yang dijual pada tahun 2030. Jelas bahawa peralihan minda amat diperlukan untuk mengurangkan kadar sisa dan meningkatkan amalan kitar semula di kalangan rakyat Malaysia. Untuk melakukannya, kita perlu meningkatkan kesedaran secara kolektif dan membantu masyarakat memahami nilai dalam kitar semula, proses dan cara mengitar semula. Melalui program pembersihan pantai, kami percaya bahawa ‘*World Without Waste*’ boleh dicapai jika kita semua menggunakan kepakaran dan sumber daya kita untuk menyelesaikan masalah pembuangan sampah; dan yang lebih penting, bekerjasama ke arah persekitaran yang sihat supaya kita semua boleh kekalkan persekitaran untuk generasi akan datang”.

Aktiviti pembersihan pantai pada hari ini juga lebih menarik dan menyeronokkan apabila sukarelawan-sukarelawan yang berjaya mengumpul barangan kitar semula terbanyak di setiap lokasi diberikan mata ganjaran melalui aplikasi KITAREcycle oleh SWM Environment.

Pemberian mata ganjaran yang boleh ditebus dalam bentuk wang tunai ini adalah sebagai penghargaan kepada sukarelawan atas usaha mereka dalam program pembersihan pantai tersebut dan juga sebagai galakan agar mereka terus mempraktikkan amalan kitar semula dalam kehidupan seharian.



Bagi program pembersihan pantai di Pantai Saujana Port Dickson, seramai 140 orang sukarelawan daripada SWM Kasih, Coca-Cola, Kelloggs Asia Product Sdn. Bhd., Politeknik Nilai, Politeknik Port Dickson, Keretapi Tanah Melayu Berhad, Majlis Belia Port Dickson dan AEON Mall Seremban 2 telah terlibat dalam menjayakan program tersebut.

Turut hadir, Setiausaha Majlis Perbandaran Port Dickson, Tuan Zahari bin Md Afandi, yang telah menyampaikan mock up mata ganjaran KITAREcycle kepada para pemenang dengan hasil kutipan yang paling banyak. Pemenang bagi tempat pertama dimenangi oleh sukarelawan daripada Politeknik Nilai, tempat kedua daripada sukarelawan Majlis Belia Port Dickson dan tempat ketiga sukarelawan daripada Keretapi Tanah Melayu Berhad.

Dalam masa yang sama, salah satu daripada lapan lokasi lain program *World Cleanup Day* di Negeri Sembilan telah diadakan di Taman Malaysia dengan seramai 100 orang sukarelawan dan telah diserikan oleh Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Muhriz Ibni Al-Marhum Tuanku Munawir, dengan mencemar duli memungut sampah dan memotong riben gegantung serta menyaksikan demonstrasi pengangkut tong di lori kompaktor SWM Environment.

- TAMAT -

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), kitar semula dan pengomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Google Play*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib

Penolong Pengurus, Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd.

(Tel) 06 – 601 4280 / 012 684 7168

(Emel) nurulliza.najib@swmsb.com